

## TERMA & SYARAT KEMPEN “HELLO CBP”

### 1. DEFINISI

“Bank”	Merujuk kepada Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (Koperasi No.1146), koperasi yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 dan mempunyai alamat berdaftar di No. 27, Tingkat 6, Wisma JCBNEXT, Lorong Medan Tuanku 1, Off Jalan Sultan Ismail,50300 Kuala Lumpur
“Cabutan”	Merujuk kepada proses cabutan iaitu Pemilihan Secara Rawak yang akan dilakukan oleh pihak Bank bagi tujuan pemilihan pemenang bagi kempen Hello CBP
“Cabutan Lokaliti”	<p>Merujuk kepada salah satu kategori cabutan dimana Pelanggan dikategorikan mengikut lokasi cawangan di mana produk dan perkhidmatan yang dipromosikan melalui kempen ini dilanggan oleh Pelanggan sepanjang tempoh kempen.</p> <p>Pengiraan Mata Penyertaan (MP) juga berdasarkan bilangan produk dan nilai yang dilanggan oleh Pelanggan di cawangan tersebut.</p> <p>Cabutan dilakukan selepas kempen berakhir untuk penentuan pemenang.</p>
“Cabutan Berkala Suku Tahun”	<p>Merujuk kepada salah satu kategori cabutan dimana Pelanggan yang berpotensi untuk menang dinilai dari penyertaan seluruh negara.</p> <p>Pengiraan Mata Penyertaan (MP) berdasarkan jumlah terkumpul setiap suku tahun yang layak diberikan kepada Pelanggan.</p> <p>Cabutan dilakukan selepas berakhirnya setiap suku bagi tahun yang ditetapkan. Terdapat empat (4) cabutan yang akan diadakan untuk kategori cabutan ini.</p>
“Cabutan Utama”	<p>Merujuk kepada salah satu kategori cabutan dimana Pelanggan yang berpotensi untuk menang dinilai dari penyertaan seluruh negara.</p> <p>Pengiraan Mata Penyertaan (MP) berdasarkan jumlah terkumpul sepanjang tempoh kempen yang layak diberikan kepada Pelanggan.</p> <p>Cabutan dilakukan selepas kempen berakhir untuk penentuan pemenang</p>
“Hadiah Kempen”	Merujuk kepada hadiah yang ditawarkan bagi pemenang kempen berdasarkan kategori cabutan yang ditawarkan

“Kakitangan”	Merujuk kepada kakitangan Bank
“Kempen”	Merujuk kepada Kempen “Hello CBP”
“Mata Penyertaan”	Merujuk kepada mata yang layak diterima oleh Pelanggan tertakluk kepada terma dan syarat kempen yang dinyatakan di sini.
“Pelanggan”	Merujuk kepada Pelanggan Baru atau Pelanggan Sedia Ada yang melanggan produk atau perkhidmatan Bank yang dipromosikan melalui Kempen ini.
“Pemenang”	Merujuk kepada Pelanggan yang telah dikenal pasti untuk memenangi hadiah berdasarkan proses Cabutan yang dilaksanakan oleh pihak Bank.
Pemenang Simpanan”	Merujuk kepada Pemenang yang dikenalpasti semasa proses Cabutan dilakukan dan disenaraikan sebagai pemenang simpanan. Pihak Bank berhak untuk memberikan hadiah kempen kepada Pemenang Simpanan yang dikenal pasti sekiranya Pemenang yang telah dikenalpasti tidak layak untuk menerima hadiah atas apa jua sebab yang diputuskan oleh pihak Bank.
“Pengenalan Diri”	Merujuk kepada dokumen rasmi yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia bagi tujuan pengesahan pengenalan diri seperti Kad Pengenalan atau Pasport.
“Prinsip Hibah Mu’allaqah (Hibah Bersyarat)”	Merujuk kepada prinsip pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang dengan dikaitkan atau disyaratkan berlakunya sesuatu perkara.

## 2. TEMPOH KEMPEN

- 2.1. Tempoh Kempen adalah bermula pada tarikh **1 Januari 2023** hingga **31 Disember 2023** dan boleh dilanjutkan, jika ada (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) yang bermaksud (“Tempoh Kempen”).

\*Nota : Pelanjutan Tempoh Kempen akan diputuskan oleh Pihak Pengurusan Bank dan maklumat terkini akan disalurkan melalui saluran-saluran komunikasi Bank.

- 2.2. Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen tersebut mengikut budi bicara secara mutlak dengan memberi notis secara bertulis yang akan dipaparkan di semua Cawangan Bank dan melalui paparan di laman web Bank dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dan segala keputusan yang berkaitan tempoh tersebut adalah muktamad.

### 3. KONSEP SYARIAH

- 3.1 Konsep Syariah yang digunakan bagi Kempen ini adalah prinsip Hibah Mu'allaqah (Hibah Bersyarat).
- 3.2 Berdasarkan prinsip Hibah Mu'allaqah, pihak Bank akan memberikan hadiah kepada Pelanggan yang berjaya memenuhi segala terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dan dikenal pasti sebagai Pemenang.

### 4. KELAYAKAN

- 4.1 Kempen ini terbuka kepada Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada Bank yang melanggan produk dan perkhidmatan yang dipromosikan melalui Kempen ini dalam Tempoh Kempen iaitu :
  - 4.1.1 Pembiayaan Peribadi Al-Yasser
  - 4.1.2 Pembiayaan Perumahan Al-Amali
  - 4.1.3 Pembiayaan Ar-Rahnu
  - 4.1.4 Akaun Simpanan-i Salam
  - 4.1.5 Akaun Deposit-i Berjangka
- 4.2 Kakitangan Bank tidak dibenarkan untuk menyertai Kempen ini.
- 4.3 Syarat dan Kelayakan mengikut produk/perkhidmatan yang dinyatakan di dalam item 4.1 adalah seperti di bawah :
  - 4.3.1 Pembiayaan Peribadi Al-Yasser
    - a. Syarat-syarat langganan produk Pembiayaan Peribadi Al-Yasser adalah tertakluk polisi dan prosedur semasa produk
    - b. Kempen ini hanya layak bagi Pelanggan yang pembiayaannya diluluskan, diterima dan dibuat pengeluaran dalam Tempoh Kempen.
    - c. Terbuka bagi dua (2) kategori Pelanggan berikut :

Pelanggan Baru  
Pelanggan Baru yang tidak mempunyai rekod Pembiayaan Peribadi Al-Yasser bersama Bank dengan nilai pengeluaran RM 50,000.00 dan ke atas.

Pelanggan Sedia Ada

      - Pelanggan Sedia Ada yang membuat penyelesaian Bank\Institusi Kewangan Luar dengan nilai minima RM 50,000.00
      - Pelanggan Sedia Ada yang membuat pembiayaan bertindih dengan Bank dengan jumlah pengeluaran bersih minima RM 50,000.00
  - 4.3.2 Pembiayaan Perumahan Al-Amali
    - a. Syarat-syarat langganan produk Pembiayaan Perumahan Al-Amali adalah tertakluk polisi dan prosedur semasa produk.
    - b. Kempen ini hanya layak bagi Pelanggan dengan permohonan individu dan bersama

- c. Terbuka kepada permohonan baru bermula 1 Januari 2023 sahaja (termasuk pembiayaan semula untuk hartanah yang dibiayai oleh Bank lain)
- d. Hanya layak kepada pelanggan yang pembiayaannya telah diluluskan dan menerima surat tawaran di sepanjang tempoh kempen. Hanya penerimaan yang telah dipastikan dokumen telah dilaksanakan (execution) layak menyertai kempen ini.
- e. Jumlah pembiayaan minima yang layak bagi menyertai Kempen ini adalah RM 150,000.00

#### 4.3.3 Pembiayaan Ar-Rahnu

- a. Syarat-syarat langganan produk Pembiayaan Ar-Rahnu adalah tertakluk polisi dan prosedur semasa produk.
- b. Terbuka kepada Pelanggan Baru dan Sedia Ada
- c. Untuk Gadaian Baharu sahaja dalam Tempoh Kempen.
- d. Jumlah pembiayaan minima yang layak untuk menyertai Kempen ini adalah sebanyak RM 5,000.00 dan ke atas.

#### 4.3.4 Akaun Simpanan-i Salam

- a. Syarat-syarat langganan produk Akaun Simpanan-i Salam adalah tertakluk polisi dan prosedur semasa produk.
- b. Terbuka kepada Pelanggan Individu dan Bukan Individu sahaja (Koperasi/Pertubuhan/Persatuan/Kelab/Sekolah/Masjid)
- c. Terbuka kepada Pelanggan Baru dan Pelanggan Sedia Ada seperti di bawah :
  - Bagi pendeposit baharu, hendaklah membuka akaun baharu dan mengekalkan nilai deposit minimum (RM 500.00 untuk individu dan RM 1,000.00 bagi Bukan Individu) bagi tempoh minimum 3 bulan bermula dari tarikh perletakan deposit
  - Bagi pendeposit sedia ada, baki deposit pada setiap tempoh penilaian Cabutan hendaklah mempunyai kenaikan minimum mengikut nilai deposit (RM 500.00 untuk individu dan RM 1,000.00 bagi Bukan Individu) yang ditetapkan bagi kempen ini.

#### 4.3.5 Akaun Deposit-i Berjangka

- a. Syarat-syarat langganan produk Akaun Deposit-i Berjangka adalah tertakluk polisi dan prosedur semasa produk.
- b. Terbuka kepada Pelanggan Individu dan Bukan Individu sahaja (Koperasi/Pertubuhan/Persatuan/Kelab/Sekolah/Masjid)
- c. Terbuka kepada semua Pendeposit Baharu dan Sedia Ada. Bagi Pendeposit Sedia ada, hanya peletakan Deposit-i Berjangka daripada dana baharu (sahaja

layak untuk diambil kira bagi kempen ini.

- d. Tempoh Deposit yang diambil kira bagi kempen ini hanya untuk tempoh 12 Bulan sahaja. Hanya deposit yang dikekalkan sehingga tamat Tempoh Kempen akan diambil kira bagi pemberian Mata Penyertaan (MP).

## 5. PEMBERIAN MATA PENYERTAAN (MP)

- 5.1. Pemberian Mata Penyertaan (MP) iaitu satu (1) MP kepada Pelanggan yang layak adalah bergantung kepada produk dan perkhidmatan yang dilanggan oleh Pelanggan sepanjang Tempoh Kempen ini.
- 5.2. Mata Penyertaan (MP) yang diterima Pelanggan menentukan jumlah peluang Pelanggan untuk memenangi Kempen ini melalui Cabutan secara Rawak yang dilakukan oleh pihak Bank.

## 6. HADIAH KEMPEN DAN KAEDAH PENENTUAN PEMENANG

- 6.1 Hadiah Kempen dan tempoh Penilaian Cabutan bagi setiap kategori Cabutan adalah seperti di bawah :

### Cabutan Utama

#### Hadiah & Jumlah Pemenang

No.	Perkara	Jumlah Pemenang	Hadiah
1.	Hadiah Utama	1 Pemenang	BMW 2 Series Grand Coupe 218i
2.	Hadiah Pertama	1 Pemenang	BMW GS 310
3.	Hadiah Saguhati	10 Pemenang	Pakej Percutian

#### Nota :

- Jumlah keseluruhan pemenang bagi Cabutan Utama adalah sebanyak 12 Pemenang.
- Senarai pelanggan yang layak dinilai untuk Cabutan Utama akan dinilai berdasarkan kepatuhan kepada kriteria syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan bagi setiap produk.
- Pelanggan hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja daripada senarai hadiah Cabutan Utama ini.
- Walaubagaimanapun, Pelanggan yang telah terpilih bagi Cabutan Lokaliti atau Cabutan Berkala Suku Tahun masih lagi layak untuk diambil kira bagi Cabutan Utama ini.

### Tempoh Penilaian Cabutan

Produk	Penilaian
Pembiayaan Peribadi Al-Yasser	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Pembiayaan Perumahan Al-Amali	Berdasarkan akaun yang telah dibuat penerimaan & pelaksanaan dokumen daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Pembiayaan Ar-Rahnu	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Akaun Deposit-i Salam	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Akaun Deposit-i Berjangka	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>

### **Cabutan Berkala Suku Tahun**

#### Hadiah & Jumlah Pemenang

No.	Perkara	Jumlah Pemenang	Hadiah
1.	Suku Tahun 1 (Jan – Mar 2023)	5 Pemenang	Akaun Deposit-i Berjangka atau Syer CBP (RM 1,000.00) setiap pemenang
2.	Suku Tahun 2 (Apr – Jun 2023)	5 Pemenang	Akaun Deposit-i Berjangka atau Syer CBP (RM 1,000.00) setiap pemenang
3.	Suku Tahun 3 (Jul – Sep 2023)	5 Pemenang	Akaun Deposit-i Berjangka atau Syer CBP (RM 1,000.00) setiap pemenang
4.	Suku Tahun 4 (Okt – Dis 2023)	5 Pemenang	Akaun Deposit-i Berjangka atau Syer CBP (RM 1,000.00) setiap pemenang

Nota :

- Jumlah keseluruhan pemenang bagi Cabutan Berkala Suku Tahun adalah sebanyak 20 Pemenang.

- Senarai pelanggan yang layak dinilai untuk Cabutan Berkala Suku Tahun akan dinilai berdasarkan kepatuhan kepada kriteria syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan bagi setiap produk dalam tempoh penilaian Cabutan.
- Pelanggan hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja daripada senarai hadiah berkala ini.
- Walaubagaimanapun, Pelanggan yang telah terpilih bagi Cabutan Berkala Suku Tahun masih lagi layak untuk diambilkira bagi Cabutan Utama dan Cabutan Lokaliti kelak

#### Tempoh Penilaian Cabutan

Cabutan	Produk	Penilaian
Suku Tahun 1 (Jan – Mac 2023)	Pembiayaan Peribadi Al-Yasser	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan Januari 2023 sehingga Mac 2023
	Pembiayaan Perumahan Al-Amali	Berdasarkan akaun yang telah dibuat penerimaan & pelaksanaan dokumen daripada bulan Januari 2023 sehingga Mac 2023
	Pembiayaan Ar-Rahnu	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan Januari 2023 sehingga Mac 2023
	Akaun Deposit-i Salam	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan Januari 2023 sehingga Mac 2023
	Akaun Deposit-i Berjangka	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan Januari 2023 sehingga Mac 2023

Cabutan	Produk	Penilaian
Suku Tahun 2 (Apr – Jun 2023)	Pembiayaan Peribadi Al-Yasser	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan April 2023 sehingga Jun 2023
	Pembiayaan Perumahan Al-Amali	Berdasarkan akaun yang telah dibuat penerimaan & pelaksanaan dokumen

		daripada bulan April 2023 sehingga Jun 2023
	Pembiayaan Ar-Rahnu	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan April 2023 sehingga Jun 2023
	Akaun Deposit-i Salam	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan April 2023 sehingga Jun 2023
	Akaun Deposit-i Berjangka	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan April 2023 sehingga Jun 2023

Cabutan	Produk	Penilaian
Suku Tahun 3 (Julai – September 2023)	Pembiayaan Peribadi Al-Yasser	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan Julai 2023 sehingga September 2023
	Pembiayaan Perumahann Al-Amali	Berdasarkan akaun yang telah dibuat penerimaan & pelaksanaan dokumen daripada bulan Julai 2023 sehingga September 2023
	Pembiayaan Ar-Rahnu	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan Julai 2023 sehingga September 2023
	Akaun Deposit-i Salam	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan Julai 2023 sehingga September 2023
	Akaun Deposit-i Berjangka	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan Julai 2023 sehingga September 2023



Cabutan	Produk	Penilaian
Suku Tahun 4 (Oktober – Disember 2023)	Pembiayaan Peribadi Al-Yasser	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan Oktober 2023 sehingga Disember 2023
	Pembiayaan Perumahan Al-Amali	Berdasarkan akaun yang telah dibuat penerimaan & pelaksanaan dokumen daripada bulan Oktober 2023 sehingga Disember 2023
	Pembiayaan Ar-Rahnu	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan Oktober 2023 sehingga Disember 2023
	Akaun Deposit-i Salam	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan Oktober 2023 sehingga Disember 2023
	Akaun Deposit-i Berjangka	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan Oktober 2023 sehingga Disember 2023

### Cabutan lokaliti

#### Hadiah & Jumlah Pemenang

No.	Perkara	Jumlah Pemenang	Hadiah
1.	Hadiah	10 Pemenang x 29 Cawangan	RM 500.00 (Wang Tunai) setiap pemenang

#### Nota :

- Jumlah keseluruhan pemenang bagi Cabutan Lokaliti adalah sebanyak 290 Pemenang.
- Senarai pelanggan yang layak dinilai untuk Cabutan Lokaliti akan dinilai berdasarkan kepatuhan kepada kriteria syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan bagi setiap produk dalam tempoh penilaian Cabutan. Pelanggan yang bakal dipilih sebagai pemenang hanya akan diambil kira mengikut cawangan tersebut sahaja.
- Pelanggan hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja daripada senarai hadiah Cabutan Lokaliti ini
- Walaubagaimanapun, Pelanggan yang telah terpilih bagi Cabutan Lokaliti masih lagi layak untuk diambilkira bagi Cabutan Utama ini.

Tempoh Penilaian Cabutan

Produk	Penilaian
Pembiayaan Peribadi Al- Yasser	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Pembiayaan Perumahan Al-Amali	Berdasarkan akaun yang telah dibuat penerimaan & pelaksanaan dokumen daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Pembiayaan Ar-Rahnu	Berdasarkan akaun yang telah dibuat pengeluaran daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Akaun Deposit-i Salam	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>
Akaun Deposit-i Berjangka	Berdasarkan pembukaan akaun/ peningkatan deposit yang yang dibuat oleh pelanggan daripada bulan <b>Januari 2023 sehingga Disember 2023</b>

- 6.2 Pihak Bank akan menggunakan kaedah “**pemilihan secara rawak**” yang ditentukan oleh sistem dalaman Bank yang telus disiarkan kepada awam melalui platform media terpilih dan diaudit untuk memilih para pemenang dari kalangan para Pelanggan Yang Layak dan pihak Bank mempunyai hak dan keputusan yang muktamad untuk mengubah / menyemak semula / meminda kriteria pemilihan / mekanisma / proses yang difikirkan sesuai dan perlu pada bila-bila masa.
- 6.3 Pemilihan pemenang bagi Kempen ini akan dikendalikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh akhir Tempoh Kempen atau pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh pihak Bank untuk menentukan pemenang.
- 6.4 Pelanggan yang memenangi hadiah Kempen (pemenang) ini akan dihubungi melalui telefon pada bila-bila masa pada waktu pejabat (9.00 pagi – 5.00 petang) dari hari Isnin hingga Jumaat. Panggilan telefon yang dibuat kepada pemenang adalah berdasarkan kepada nombor telefon terkini yang dikemukakan kepada pihak CBP dan yang tercatat didalam rekod Bank.
- 6.5 Pelanggan Yang Layak menyertai Kempen ini bertanggungjawab untuk memastikan alamat

dan nombor telefon yang diberi kepada pihak CBP adalah yang terkini dan / dikemaskini pihak Bank.

- 6.6 Jika percubaan pertama untuk menghubungi pemenang gagal, maka percubaan kedua akan dibuat. Jika percubaan kedua itu juga gagal, tiada percubaan lagi akan dibuat oleh pihak Bank dan akan membuat keputusan yang muktamad untuk membatalkan pelanggan berkenaan sebagai pemenang. Pemenang Simpanan yang telah dibuat Cabutan akan dipilih untuk menggantikan Pemenang tersebut
- 6.7 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab dan tiada apa-apa gantirugi yang akan di pertanggungjawabkan kepada Bank oleh pelanggan, sekiranya pelanggan dalam senarai pemenang tidak dapat dihubungi atas apa alasan sekali pun.

## **7 PENEBUSAN HADIAH**

- 7.1 Pihak Bank akan mengeluarkan surat pengesahan kepada pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh pengumuman nama pemenang atau pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai dan wajar oleh pihak Bank.
- 7.2 Bank mempunyai hak mutlak untuk meminda, menukar atau menggantikan hadiah yang ditawarkan dengan hadiah gantian yang bersesuaian tertakluk kepada nilai yang sepadan, ketersediaan stok dan mengikut budi bicara Bank.
- 7.3 Dalam keadaan/situasi Bank menukarkan hadiah lain yang bersesuaian tetapi tidak mempunyai nilai yang sepadan; pelanggan bersetuju bahawa tiada pampasan yang akan dibayar atau layak dituntut atas lebihan atau kekurangan nilai hadiah gantian berbanding nilai hadiah asal yang ditawarkan.
- 7.4 Apa-apa kos pendaftaran pemindahan hak milik (jika ada) bagi hadiah utama adalah ditanggung oleh pemenang sendiri.
- 7.5 Kos perbelanjaan (jika ada) berkaitan dengan pengambilan hadiah yang ditawarkan kepada pemenang harus ditanggung oleh para pemenang sendiri.
- 7.6 Pemenang hadiah Kempen dikehendaki untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam upacara penyampaian hadiah dan / atau mana-mana acara promosi kelolaan pihak Bank pada bila-bila tarikh dan masa yang akan ditentukan oleh pihak Bank. Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank melalui panggilan telefon atau cara perhubungan lain yang dianggap sesuai oleh pihak Bank mengenai ketetapan upacara penyampaian hadiah itu dan / atau mana-mana acara promosi yang akan dibuat oleh pihak Bank. Tertakluk kepada terma berikutnya berkaitan perintah sekatan, jika pemenang itu gagal menghadiri upacara penyampaian hadiah dan / atau mana-mana acara promosi secara fizikal, maka pemenang dianggap tidak menerima hadiah atau hadiah terbatal dengan menggunakan satu-satunya pertimbangan mutlak Bank tanpa memberi notis terdahulu kepada pemenang. Sebarang perbelanjaan menghadiri majlis / acara promosi Bank adalah ditanggung sendiri oleh pemenang. Sekiranya pemenang tidak dapat melakukan perjalanan disebabkan apa-apa perintah sekatan perjalanan yang dikenakan oleh

pihak kerajaan, pemenang hendaklah memaklumkan kepada Bank untuk pihak Bank memberi nasihat dan arahan lanjut berkaitan perkara di perenggan 6.6 ini. Untuk mengelakkan keraguan, perkara ini hanya terpakai semasa apa-apa perintah sekatan yang di laksanakan oleh pihak kerajaan dan/atau undang-undang di Malaysia

- 7.7 Sejar dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Bank akan memastikan data peribadi pelanggan akan dilindungi. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang telah dianggap memberikan kebenaran menggunakan nama, gambar pemenang atau apa-apamaklumat yang berkaitan dengan pemenang untuk disiarkan atau dipaparkan di mana-manamedia mengikut budi bicara Bank. Bank juga berhak menyiarkan atau memaparkan namadan gambar pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
- 7.8 Hadiah akan diberi atau dikeluarkan atas nama para pemenang dan ia tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga sebelum dan semasa upacara penyampaian hadiah. Pemindahan hak milik hadiah daripada pemenang kepada pihak ketiga selepas upacara penyampaian hadiah atau selepas penebusan hadiah adalah hak budi bicara pemenang dan hendaklah tidak melibatkan Bank dalam urusan tersebut.
- 7.9 Bank tidak bertanggungjawab bagi sebarang tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat peruntukan cukai yang difailkan atau apa-apa bayaran cukai kepada jabatan berkuasa yang berkenaan, hadiah ini adalah sepenuhnya di bawah tanggungjawab pemenang. Pemenang berhak mendapatkan nasihat tentang tanggungjawab cukai yang mungkin timbul berikutan daripada kemenangan pemenang dan mendapatkan nasihat bebas mengenai cukai berhubung kedudukan kewangan pemenang atas tanggungan perbelanjaan pemenang sendiri (sekiranya ada).
- 7.10 Bank dan sekutunya berserta pihak Pengurusan, Pegawai, Pekerja dan Agensi yang terlibat tidak akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan / atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apakecederaan peribadi dan / atau apa yang dialami oleh pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus, mengambil hadiah akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari Bank, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.

- 7.11 Pihak Bank dengan jelasnya tidak mengambil kira dan tidak akan menerima sebarang perwakilan, jaminan atau penandatanganan, secara jelas atau secara tidak langsung, bertulis atau secara lisan berkaitan dengan kualiti atau kesesuaian hadiah (hadiah- hadiah). Pihak Bank juga tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian dengan pengeluar atau pengedar hadiah dan para pemenang sendiri dikehendaki berurusan secara langsung dengan pengeluar atau pembekal berkenaan bagi mendapatkan semua maklumat berkaitan jaminan ke atas hadiah yang dimenangi.
- 7.12 Berlandaskan prinsip *faskh al-wa'd* dan/atau *faskh al-'uqud* (yang mana relevan), pihak Bank mempunyai hak untuk membatalkan *wa'd* dan/atau *hibah* dengan membatalkan kemenangan pemenang atau menafikan hak penebusan hadiah atau tidak memberikan hadiah atau menuntut kembali hadiah-hadiah yang telah diberikan kepada pemenang jika pemenang berkenaan telah didapati terbukti atau disyaki atau dituduh melakukan atau bersubahat dengan sebarang kegiatan penipuan, pemalsuan atau salah laku yang bertentangan dengan peraturan CBP, undang-undang atau prinsip Syariah yang berkaitan dengan akaun simpanan mereka atau atas apa-apa kesilapan teknikal yang tidak disengajakan.
- 7.13 Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja sebelum tarikh pembatalan, penamatan atau penggantungan dengan menghantar makluman bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman web Bank. Sekiranya timbul sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen atau berkaitan dengan Kempen ini, pelanggan yang menyertai Kempen ini tidak boleh membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung samada secara langsung dan tidak langsung

## 8 UMUM

- 8.1 Keputusan yang dibuat oleh pihak Bank terhadap semua perkara dan / atau sebarang pertikaian berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang pengikatan dan surat-menyerat selanjutnya tidak akan dilayan.
- 8.2 Pihak Bank mempunyai hak untuk mengguna, menyiar atau mempamerkan butir-butir pelanggan terpilih dalam apa bentuk sekali pun yang dianggap sebagai perlu dan bersesuaian (termasuk tetapi tidak terbatas kepada) nama, gambar, dan bandar tempat tinggal pelanggan yang terpilih itu untuk tujuan pengiklanan dan publisiti (jika ada). Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan terpilih itu dengan ini secara nyata telah membenarkan dan bersetuju dengan pihak Bank untuk melaksanakan hak-hak yang disebut lebih awal. Para Pelanggan Yang Layak akan mempunyai budi bicara untuk mendapat dan mengemaskinikan butiran peribadi mereka dengan cara memberitahu pihak Bank secara bertulis sepanjang Tempoh Kempen.

- 8.3 Pihak Bank mempunyai hak dan pertimbangan yang muktamad untuk mengubah, meminda, memansuhkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan secara khususnya di dalam dokumen ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk untuk mengubah jangka masa Kempenyang dianggap perlu dan wajar dengan memberi notis yang secukupnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja melalui laman web rasmi Bank atau notis di cawangan- cawangan Bank.
- 8.4 Pihak Bank juga mempunyai hak untuk menukar, menghapus, mengganti, menambah atau membatalkan Hadiah-Hadiah Kempen sebelum pemilihan pemenang dan/atau sebelum upacara pengumuman pemenang dan/atau penyampaian hadiah dan/atau sebelum penebusan hadiah dan/atau sebelum *akad Hibah* dilaksanakan atau dibuat pada bila-bila masa dengan notis sewajarnya melalui laman web rasmi Bank atau notis di cawangan-cawangan Bank.
- 8.5 Pihak Bank mempunyai hak dan pertimbangan mutlak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau diputuskan sebagai mengganggu proses penyertaan dan / atau operasi Kempen, yang melanggar atau didapati mempunyai konflik kepentingan atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat yang termaktub di sini.
- 8.6 Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan lain dan / atau representasi yang terkandung di dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
- 8.7 Dengan menyertai Kempen ini, para Pelanggan Yang Layak dan / atau mana-mana pihak yang berkaitan di sini bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat-Syarat yang telah dinyatakan.
- 8.8 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh takdir, peperangan, rusuhan, pemogokan, halangan masukoleh majikan, tindakan industri, kebakaran, banjir, musim kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau apa-apa kejadian di luar bidang kuasa kawalan yang sepatutnya oleh pihak Bank.
- 8.9 Kesemua Terma dan Syarat yang termaktub di sini adalah berlandaskan prinsip Syariah di bawah konsep *al-wa'd bi al-hibah* serta bebas daripada unsur *maysir* atau perjudian kerana telah disahkan dan dijamin tidak akan menyebabkan apa-apa kerugian kewangandaripada amaun deposit milik pelanggan jika tidak terpilih sebagai pemenang cabutan serta tertakluk dan akan diperjelaskan selaras dengan perundangan Malaysia dan segala pertikaian berkaitan Kempen ini akan di rujuk kepada Mahkamah di Malaysia